5226
Tasawwur Islam
Julai / Ogos
2026
2 jam 30 minit

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA**
**SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026**

# TASAWWUR ISLAM

## PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah

5226 ©2026 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan



CamScanner

**Bahagian A**

| No. Soalan | Jawapan |
|---|---|
| **1** | Etika |
| **2** | Madani |
| **3** | Ghanimah |
| **4** | Tabarru’ |
| **5** | Iman |
| **6** | menghormati |
| **7** | keadilan |
| **8** | Umar bin al-Khattab |
| **9** | Isteri / Wali |
| **10** | Wali / Isteri |
| **11** | Tabung haji / Baitulmal |
| **12** | Baitulmal / Tabung haji |
| **13** | Adil / Sempurna pancaindera |
| **14** | Sempurna pancaindera / Adil |
| **15** | T- Waqi’iyyah |
| **16** | U- Rabbaniyyah |
| **17** | √ |
| **18** | √ |
| **19** | X |
| **20** | X |



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

CamScanner

| Bahagian B | | | | |
|---|---|---|---|---|
| SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
| 1 | *(a)* | | Maksud Islam sebagai al-Din<br>Islam adalah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | *(b)* | | Tindakan yang boleh dilakukan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup<br>P1- Membaca / menghayati / mengamalkan al-Quran (1m) kerana al-Quran merupakan panduan hidup (1m).<br>P2- Menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh tauladan dalam segala tindakan (1m) kerana Rasulullah SAW merupakan akhlak yang paling sempurna (1m).<br>P3- Menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW (1m) supaya dapat mengambil iktibar (1m).<br>P4- Menghayati sirah perjuangan para sahabat / *salafusoleh* (1m) agar dapat menguatkan keimanan (1m).<br>P5- Menghayati dan melaksanakan rukun Islam, rukun Iman, Ihsan (1m) supaya menjadi seorang muslim sejati (1m).<br>P6- Mendalami ilmu asas Islam (1m) supaya dapat membentuk akhlak yang mulia (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | *(c)* | (i) | Kesan jika Aliya tidak dapat mengawal perasaan iri hatinya ialah<br>P1- Lemah iman (1m) kerana tidak reda dengan ketentuan Allah SWT (1m).<br>P2- Hilang ketenangan jiwa (1m) kerana sentiasa membandingkan diri dengan orang lain (1m).<br>P3- Menjejaskan hubungan persahabatan (1m) seperti timbul perasaan benci atau dengki (1m).<br>P4- Menimbulkan perasaan tidak bersyukur (1m) terhadap nikmat yang dimiliki (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | Cara Aliya mengelakkan perasaan iri hati mengikut akidah yang benar.<br>Rubrik penskoran | KBAT<br>[4 *markah*] |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1) | 1m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



CamScanner

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan/ Kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Contoh jawapan :<br>Mengamalkan sikap reda dengan ketentuan Allah SWT (F1) supaya dapat menerima kejayaan orang lain (H1). Kesannya, dapat memperbaiki diri ke arah yang lebih baik (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah mengukuhkan akidah supaya dapat mencapai ketenangan hidup di dunia dan akhirat (H3).<br><br>Cadangan isi :<br>F2- Memupuk sifat syukur terhadap nikmat Allah SWT.<br>F3- Mendekatkan diri kepada Allah SWT.<br>F4- Berfikiran positif terhadap kejayaan orang lain.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| *(d)* | | **Dua** jenis sistem ekonomi konvensional<br>P1- Kapitalis (1m).<br>P2- Komunis (1m).<br>P3- Sosialis (1m).<br>P4- Campuran (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| *(e)* | (i) | **Dua** bentuk ketidakadilan yang wajib dielakkan dalam ekonomi Islam<br>P1- Mengamalkan riba dalam memberi pinjaman (1m) menyebabkan penindasan terhadap orang lain (1m).<br>P2- Menipu dalam sukatan dan timbangan (1m) seperti sikap tidak amanah dalam urus niaga (1m).<br>P3- Memberi dan menerima rasuah (1m) menyebabkan berlakunya penyalahgunaan kuasa (1m).<br>P4-Menganggur dan tidak mahu bekerja (1m) kerana boleh menjejaskan ekonomi (1m).<br>P5- Melanggar hak cipta (1m) seperti mengubah hasil karya orang lain (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (ii) | **Dua** kesan pengabaian sistem ekonomi Islam<br>P1- Matlamat negara tidak akan dicapai (1m) kerana berlaku ketidakseimbangan dalam pengurusan ekonomi negara (1m).<br>P2- Amalan riba berleluasa (1m) menyebabkan berlakunya penindasan (1m).<br>P3- Nilai-nilai moral semakin terhakis (1m) kerana berlaku gejala rasuah / penipuan / eksploitasi ekonomi. (1m).<br>P4- Pengagihan harta yang tidak adil / ekonomi hancur (1m) kerana adanya jurang golongan kaya dan miskin (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | *(a)* | (i) | Maksud insan<br>Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal (1m) untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** kepentingan memelihara fitrah kejadian insan<br>P1- Mendapat keredaan / petunjuk Allah SWT (1m) kerana taat perintahNya (1m).<br>P2- Mengukuhkan keimanan / menyemai ketakwaan Allah SWT (1m) agar mendapat rahmat Allah SWT (1m).<br>P3- Menerima kebenaran / menolak kebatilan (1m) supaya hidup diberkati Allah SWT (1m).<br>P4- Membentuk kehidupan yang aman / harmoni (1m) supaya bahagia di dunia dan akhirat (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | | (iii) | **Dua** tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT<br>P1- Menjaga sikap / tingkah laku / memupuk akhlak mulia (1m) seperti meninggalkan perkara maksiat (1m).<br>P2- Membina keluarga yang beriman / bertakwa (1m) agar hidup tenteram (1m).<br>P3- Mengambil berat / membantu / membimbing rakan-rakan (1m) supaya positif melakukan kebaikan (1m).<br>P4- Melaksanakan amanah / tanggungjawab (1m) dengan adil (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | *(b)* | (i) | Keunggulan sistem perundangan Islam<br>P1- Ciptaan Allah SWT (1m) yang bersih daripada kelemahan / kekurangan / dorongan hawa nafsu (1m).<br>P2- Lengkap (1m) kerana merangkumi semua aspek kehidupan manusia (1m).<br>P3- Hukuman yang adil (1m) tanpa mengira pangkat dan keturunan (1m).<br>P4- Sesuai untuk semua manusia (1m) tanpa mengira kaum, tempat dan zaman (1m).<br>P5- Bersifat tetap / kekal (1m) sehingga hari kiamat tanpa berlaku perubahan (1m).<br>P6- Hukuman bersifat memberi pengajaran (1m) supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama (1m).<br>P7- Mendidik jiwa manusia (1m) supaya takut akan pembalasan Allah SWT (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | Matlamat perundangan Islam<br>P1- Memelihara agama (1m) seperti patuh kepada Allah SWT (1m).<br>P2- Memelihara nyawa (1m) seperti menjaga kesihatan diri (1m).<br>P3- Memelihara akal (1m) seperti melarang membaca bahan lucah (1m).<br>P4- Memelihara keturunan (1m) seperti melahirkan zuriat yang sah (1m).<br>P5- Memelihara harta (1m) seperti menggariskan peraturan pemilikan harta. | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | *(c)* | (i) | Cara Islam menyelesaikan masalah<br>P1- Mematuhi peraturan agama (1m) seperti haram minum arak (1m).<br>P2- Memilih rakan yang baik (1m) seperti rakan yang berakhlak mulia (1m).<br>P3- Menuntut ilmu agama (1m) supaya tidak melakukan perkara yang dilarang agama Islam (1m).<br>P4- Mengisi masa dengan perkara berfaedah (1m) seperti membaca atau riadah (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | Remaja masih terlibat dengan gejala minum arak walaupun mengetahui kesan buruknya? Bincangkan.<br><br>Rubrik penskoran<br><br>(see table below)<br><br>Contoh jawapan :<br>Pengaruh rakan sebaya (F1) untuk mencuba perkara negatif kerana risau dipulaukan oleh rakan-rakan (H1). Kesannya, mereka terlibat dengan maksiat / dosa (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah memantapkan iman agar hidup selamat di dunia dan akhirat (H3).<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Iman yang lemah.<br>F3- Kurangnya didikan agama.<br>F4- Tekanan hidup / *stress*.<br>F5- Sikap ingin mencuba / perasaan ingin tahu.<br>F6- Kurangnya pengawasan ibu bapa.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | KBAT<br>[4 *markah*] |

Rubrik penskoran

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1) | 1m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan/ Kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |



CamScanner

CamScanner



| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **3** | *(a)* | (i) | **Maksud keluarga**<br>**Unit sosial (1m) yang dihubungkan melalui pertalian darah / perkahwinan / pengambilan anak angkat (1m).** | **1 isi X 2 m**<br>**[2 *markah*]** |
| | | (ii) | **Tindakan yang boleh anda laksanakan dalam merealisasikan Keluarga Madani.** | **KBAT**<br>**[4 *markah*]** |

**Rubrik penskoran**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1) | 1m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan/ Kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

**Contoh jawapan :**

**Mengamalkan didikan agama dalam keluarga (F1) supaya dapat membentuk akhlak mulia anak-anak (H1). Kesannya, melahirkan keluarga harmoni / seperti amalan solat berjemaah (H2). Kesimpulannya, institusi keluarga menjadi lebih kukuh agar mendapat keberkatan hidup (H3).**

**Cadangan isi :**
**F2- Meluangkan masa berkualiti bersama keluarga.**
**F3- Menjadi contoh teladan yang baik.**
**F4- Mengamalkan komunikasi berkesan.**
**F5- Menyemai nilai kasih sayang / hormat-menghormati.**
**F6- Menggalakkan budaya ilmu dan pembelajaran.**

**Catatan :**
**Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | *(b)* | (i) | Matlamat sistem sosial Islam<br>P1- Mendapatkan keredaan Allah SWT (2m).<br>P2- Melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan alam (2m).<br>P3- Melaksanakan hak / tanggungjawab dengan sebaik-baiknya (2m).<br>P4- Mencapai kesejahteraan / keharmonian hidup di dunia dan akhirat (2m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** keistimewaan sistem sosial Islam<br>P1- Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (1m) supaya berteraskan wahyu / peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT (1m).<br>P2- Menjaga Hak Asasi Manusia (1m) agar menyemai sikap saling memahami antara ahli masyarakat (1m).<br>P3- Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera (1m) supaya dapat melahirkan masyarakat bertakwa (1m).<br>P4- Membangunkan modal insan yang berilmu / berakhlak mulia (1m) supaya dapat memberi peluang pendidikan (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | *(c)* | (i) | **Dua** ciri negara Islam<br>P1- Berdasarkan al-Quran dan al-Hadis (1m) agar negara diberkati Allah SWT (1m).<br>P2- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar (1m) supaya keamanan sentiasa terjaga (1m).<br>P3- Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan (1m) agar rakyat bebas melakukan aktiviti seharian (1m).<br>P4- Majlis syura sebagai asas pemerintahan (1m) kerana permuafakatan yang adil dapat dilaksanakan (1m).<br>P5- Ketua negara yang adil dan beriman (1m) supaya terhindar dari kezaliman (1m).<br>P6- Jaminan kebebasan hak asasi (1m) supaya hidup dalam keadaan aman / bahagia (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** implikasi yang akan berlaku jika rakyat gagal mematuhi peraturan dan undang-undang negara<br>P1- Kadar jenayah meningkat (1m) kerana kurang kesedaran masyarakat (1m).<br>P2- Keamanan negara terancam (1m) kerana tiada pematuhan undang-undang (1m).<br>P3- Ekonomi negara merosot (1m) kerana pelabur hilang keyakinan (1m).<br>P4- Perpaduan rakyat terjejas (1m) kerana sikap tidak bertanggungjawab (1m).<br>P5- Imej negara tercemar (1m) kerana pelanggaran peraturan berleluasa (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | *(a)* | (i) | Pengertian murunah<br>Luwes / anjal / boleh berubah mengikut kesesuaian (1m) namun masih tetap pada prinsip asasnya (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** ciri murunah dalam prinsip pandangan hidup Islam<br>P1- Islam agama yang mudah (1m) kerana tidak membebankan umat manusia (1m).<br>P2- Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan (1m) seperti rukhsah diberikan kepada orang sakit dalam melaksanakan ibadah (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | *(b)* | | **Dua** kepentingan prinsip murunah dan thabat<br>P1- Terdapat prinsip tetap dalam syariat (1m) seperti akidah dan ibadah wajib tidak berubah walaupun mengikut zaman (1m).<br>P2- Syariat Islam bersifat praktikal / mampu diamalkan (1m) seperti kewajipan solat yang boleh dilakukan mengikut keadaan (1m).<br>P3- Islam menyediakan kemudahan ketika menghadapi kesukaran (1m) seperti memberi rukhsah kepada orang yang bermusafir (1m).<br>P4- Membawa kebaikan kepada manusia (1m) supaya kehidupan manusia lebih sejahtera dan teratur (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | *(c)* | | **Dua** keburukan tidak bermuamalat dengan muamalat Islam<br>P1- Dilaknat oleh Allah SWT (1m) kerana ingkar suruhan syariat (1m).<br>P2- Jiwa menjadi resah (1m) kerana takut harta ditipu oleh orang lain (1m).<br>P3- Masyarakat berpecah belah (1m) kerana hilang semangat tolong-menolong (1m).<br>P4- Masyarakat tidak aman (1m) kerana berlaku permusuhan (1m).<br>P5- Ekonomi negara merosot (1m) kerana tidak diberkati Allah SWT (1m).<br>P6- Wujudnya jurang ekonomi yang ketara (1m) antara golongan kaya dengan miskin (1m).<br><br>Catatan:<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

CS CamScanner

<table>
<tr><td></td><td>(d)</td><td>(i)</td><td>Al-Bai' Bithaman Ajil / Jualan dengan bayaran tertangguh</td><td>1 isi X 2 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sebab jenis muamalat tersebut menjadi pilihan Ahmad<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan/ Kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan :<br>Memberi kemudahan pembiayaan kepada pembeli (F1) kerana pembayaran pinjaman secara ansuran / tertangguh / mengikut tempoh yang ditetapkan (H1). Kesannya, dapat menguruskan kewangan dengan lebih terancang (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan sistem muamalat Islam dalam kehidupan supaya mendapat keberkatan Allah SWT (H3).<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Berlandaskan syariat Islam.<br>F3- Bebas daripada unsur riba.<br>F4- Tiada unsur gharar.<br>F5- Sesuai dengan kemampuan pembeli.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>KBAT<br>[4 markah]</td></tr>
</table>

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

<table>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td></td><td>Dua ciri akal<br>P1- Anugerah istimewa yang dikurniakan oleh Allah SWT (1m).<br>P2- Membezakan manusia dengan haiwan (1m).<br>P3- Akal tidak mampu memikirkan perkara ghaib (1m).<br>P4- Akal sentiasa berubah dan berkembang (1m).</td><td>2 isi X 1 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua kedudukan wahyu dalam memelihara akal<br>P1- Wahyu memerintahkan manusia menggunakan akal sepenuhnya (1m) supaya dapat membezakan antara yang benar dan salah (1m).<br>P2- Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman (1m) agar terpelihara daripada kesesatan (1m).<br>P3- Wahyu memastikan kesahihan ibadah yang dilaksanakan oleh manusia (1m) agar ibadah diterima oleh Allah SWT (1m).<br>P4- Wahyu mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak dan tingkah laku (1m) supaya dapat membentuk akhlak yang mulia (1m).<br>P5- Wahyu memelihara akal supaya berfikir dan bertindak secara logik (1m) selari dengan tuntutan syarak (1m).<br>P6- Wahyu melarang perkara yang merosakkan akal (1m) seperti arak (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi X 2 m<br>[4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Tindakan lain yang boleh dilakukan untuk menyokong institusi perundangan dalam usaha mendaulatkan sistem kehakiman Islam.<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan/ Kesimpulan. (H3)</td><td>4m</td></tr>
</table></td><td>KBAT<br>[4 markah]</td></tr>
</table>



CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.<br><br>Contoh jawapan :<br><br>Meningkatkan tahap profesionalisme institusi kehakiman Islam (F1) seperti kursus integriti kehakiman (H1). Kesannya, kewibawaan hakim dipandang tinggi oleh masyarakat (H2). Kesimpulannya, kita perlu memartabatkan sistem kehakiman Islam lebih tinggi agar negara mendapat keberkatan (H3).<br><br>Cadangan isi :<br>F2- Memperbanyakkan kajian / penulisan ilmiah berkaitan kehakiman.<br>F3- Mengadakan lawatan sambil belajar ke mahkamah syariah.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | *(d)* | (i) | **Dua** matlamat sistem kehakiman Islam<br>P1- Menegakkan keadilan (1m).<br>P2- Menentang kezaliman (1m).<br>P3- Membela orang yang dizalimi (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** etika kehakiman Islam<br>P1- Hakim dilarang untuk menyebelahi mana-mana pihak sama ada pihak pendakwa atau tertuduh (1m) supaya wujud keadilan (1m).<br>P2- Hakim hendaklah jujur ketika bertugas (1m) seperti tidak menerima rasuah supaya kewibawaan hakim dihormati (1m).<br>P3- Hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika ada keraguan (1m) dari segi bukti dan hujah (1m).<br>P4- Hakim dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya (1m) seperti kaum keluarga, rakan dan sebagainya (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | *(e)* | | **Dua** kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam<br>P1- Mampu menyelesaikan masalah (1m) secara menyeluruh (1m).<br>P2- Menegakkan amar makruf (1m) dalam masyarakat (1m).<br>P3- Mewujudkan keadilan sejagat (1m) supaya tiada yang tidak puas hati (1m).<br>P4- Mewujudkan keamanan / kesejahteraan (1m) dalam negara (1m).<br>P5- Membendung perkara mungkar / jenayah (1m) daripada berleluasa (1m).<br>P6- Mengembalikan hak (1m) kepada orang yang dizalimi (1m).<br>P7- Memberi pengajaran / didikan (1m) kepada penjenayah daripada mengulangi kesalahan (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | *(a)* | (i) | **Dua** contoh kesenian dalam Islam<br>P1- Seni Khat dan Kaligrafi.<br>P2- Seni Reka Fesyen.<br>P3- Seni Seramik.<br>P4- Seni Fotografi.<br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** cara mempraktikkan adab dan etika kesenian dalam seni reka fesyen<br>P1- Menyedari batasan manusia dalam berkarya fesyen (1m) dengan tidak sekadar mengikut tren semata-mata (1m).<br>P2- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (1m) dengan menjadikannya sebagai satu bentuk ibadah (1m).<br>P3- Memenuhi fitrah manusia yang menyukai keindahan (1m) agar selari dengan syariat Islam (1m).<br>P4- Memberi panduan dalam menghasilkan fesyen berakhlak Islam (1m) supaya tidak bercanggah dengan Islam (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | | (iii) | Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan seni.<br>Seni itu adalah kebenaran / keindahan / kebaikan (1m) dimana di dalamnya terkandung ciri-ciri estetika / etika / logik (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | *(b)* | | Maksud pentadbiran dan pengurusan Islam<br>Perancangan / pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan kaedah / peraturan / tanggungjawab / tugas dalam pengolahan sumber manusia dan sumber alam (1m) selari dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | *(c)* | | **Dua** prinsip tadbir urus dalam Islam<br>P1- Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis (1m) untuk panduan hidup manusia (1m).<br>P2- Bermatlamatkan dunia dan akhirat (1m) agar mencapai kejayaan hakiki (1m).<br>P3- Pentadbir sebagai pemegang amanah (1m) kerana menunaikan tanggungjawab kepada Allah SWT (1m).<br>P4- Berasaskan keimanan kepada Allah SWT (1m) supaya hati sentiasa istiqamah (1m).<br>P5- Berteraskan nilai-nilai akhlak (1m) untuk membentuk sahsiah mulia (1m).<br>P6- Urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep syura (1m) agar keputusan lebih adil (1m).<br>P7- Mengamalkan konsep keadilan dalam pentadbiran (1m) supaya semua pihak terpelihara (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



CamScanner

CamScanner



**(d) (i)** **Dua** ciri pentadbir yang baik — 2 isi X 1 m [2 *markah*]

P1- Beriman.
P2- Amanah.
P3- Berwawasan.
P4- Ikhlas.
P5- Positif.
P6- Inovatif.
P7- Dinamik.
P8- Integriti.

**(ii)** Pentadbir cemerlang mampu membawa organisasi ke tahap prestasi tinggi? — KBAT [4 *markah*]

Rubrik penskoran

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1) | 1m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| • Menyatakan satu isi / fakta sahaja. (F1)<br>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.<br>• Huraian yang lengkap. (H2)<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>• Rumusan/ Kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Contoh jawapan :

Kepimpinan berwawasan melalui hala tuju yang jelas (F1). Hal ini kerana dapat menentukan arah organisasi yang tepat (H1). Kesannya, meningkatkan prestasi kerja cemerlang / seperti pencapaian sasaran tahunan meningkat (H2). Kesimpulannya, organisasi lebih berdaya saing supaya mencapai kejayaan berterusan (H3).

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan isi :<br>F2- Pengurusan berasaskan nilai dan integriti.<br>F3- Mengutamakan pembangunan sumber manusia.<br>F4- Mengamalkan komunikasi berkesan dan budaya syura.<br>F5- Pemantauan dan penilaian berterusan.<br>F6- Membina budaya kerja positif.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

IKUTI SAYA DI TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS SPM 2026 !

CamScanner

5226 ©2026 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan 